

# **PERATURAN DAN TATACARA TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

---

## **1.0 PENDAHULUAN**

*Tabung Khairat Kematian diwujudkan untuk memberi bantuan kewangan kepada wasi / penama / waris anggota KOSMA yang telah meninggal dunia bagi menguruskan pengebumian jenazah dan hal-hal yang berkaitan.*

## **2.0 TATACARA PERLAKSANAAN**

### **2.1 Syarat-syarat Permohonan**

- a) *Tabung Khairat Kematian hanya layak dipohon oleh **WASI / PENAMA / WARIS** anggota KOSMA yang telah meninggal dunia.*
- b) *Wasi / penama / waris anggota perlu mengemukakan salinan **REKOD KEMATIAN** yang telah **DIAKUI SAH** oleh wakil rakyat / senator / pesuruhjaya sumpah / penghulu / ketua kampung / balai polis bersama dengan borang permohonan.*
- c) *Semua maklumat yang diberikan oleh wasi / penama / waris anggota mestilah **BENAR** dan **LENGKAP**. Sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu dan tidak benar, permohonan akan **DITOLAK**.*

### **2.2 Kaedah Permohonan dan Pembayaran**

- a) *Anggota boleh mendapatkan borang permohonan Tabung Khairat Kematian dari ibu pejabat KOSMA / wakil yang telah dilantik oleh KOSMA di daerah-daerah atau mencetaknya daripada laman web KOSMA iaitu [www.kosma.com.my](http://www.kosma.com.my).*
- b) *Borang permohonan yang **LENGKAP** bersama dengan dokumen sokongan yang telah **DIAKUI SAH** dihantar kepada **Setiausaha KOSMA**.*
- c) *Hanya borang yang **LENGKAP** dan memenuhi syarat yang ditetapkan akan diproses.*

- d) Pembayaran kepada wasi / penama / waris anggota yang meninggal dunia akan dikeluarkan oleh ibu pejabat KOSMA atau wakil yang telah dilantik oleh KOSMA di daerah-daerah.*

### **2.3 Kadar Bantuan**

*Kadar Tabung Khairat Kematian yang telah ditetapkan ialah RM 1,500 untuk setiap anggota KOSMA yang meninggal dunia bermula 1 Mac 2010.*

### **2.4 Pindaan dan Perubahan**

*Sebarang perubahan pada terma syarat dan peraturan yang telah ditetapkan untuk Tabung Khairat Kematian adalah tertakluk kepada keputusan Anggota Lembaga KOSMA dari semasa ke semasa.*

### **2.5 Lain-lain**

*Sebarang bukti penghantaran melalui pos biasa / pos ekspres bukanlah bukti penerimaan oleh pihak KOSMA. Pihak KOSMA tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang masalah dari segi penghantaran dan sebagainya oleh anggota.*

# **BORANG PERMOHONAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

## **"KHAIRAT" FUND APPLICATION FORM**

### **1. MAKLUMAT ANGGOTA MENINGGAL / DECEASED DETAILS**

- a) Nama / Name : .....
- b) No. Agg / Membership No. : ..... c) Tarikh Kematian / Date of Death : .....

### **2. MAKLUMAT WASI / PENAMA / WARIS / BENEFICIARY DETAILS**

- a) Nama / Name : .....
- b) No. K/P (Baru) / NRIC (New) : .....
- c) Alamat / Address : .....
- d) Tel / Tel i) Rmh (Hou) / Pej (Off) : .....
- ii) Bimbit (Mobile) : .....
- e) Hubungan / Relationship : .....

### **3. PENGAKUAN (WASI / PENAMA / WARIS) / BENEFICIARY DECLARATION**

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberi di atas adalah benar dan saya faham akan syarat yang telah ditetapkan. Pihak KOSMA berhak untuk menolak tuntutan ini sekiranya didapati maklumat yang diberikan adalah palsu. / I hereby solemnly acknowledge that all information furnished above is true and I understand the terms and conditions as determined. KOSMA reserves the right to revoke my application if any information is found to be false or untrue.

Tarikh / Date : ..... T/tangan / Signature : .....

Nama / Name : .....

**NOTA / NOTE:** Sila hantar borang yang telah diisi dengan lengkap bersama salinan **REKOD KEMATIAN** anggota yang telah **DIAKUI SAH** kepada : / Please submit the completed form with a **CERTIFIED TRUE COPY** of **DEATH RECORD** to :

**Setiausaha**  
**Koperasi Serbausaha Makmur Berhad,**  
**B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,**  
**25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur**